



KENYATAAN MEDIA

Tajuk : Simposium Pemikir Muda : “Ekonomi Belia Pemacu Masa Hadapan Negara”
Tarikh : 29 Ogos 2022 (Isnin)
Tempat : Bilik Angsana, EDC UUM, Sintok Kedah

1. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) merupakan penganjur bersama bagi Program Simposium Pemikir Muda pada 29 Ogos 2022 (Isnin) bertempat di Bilik Angsana, EDC UUM, Sintok Kedah dengan bertemakan Ekonomi Belia Pemacu Masa Hadapan Negara. Simposium ini juga merupakan anjuran dengan Kerjasama Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD), Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Majlis Belia Malaysia (MBM), dan Exco Belia dan Sukan Kedah.
2. Simposium yang dilaksanakan ini merupakan satu kerjasama yang mantap dalam menjalinkan ikatan yang kukuh antara badan kerajaan dan pihak universiti dan menjadikan program yang dilaksanakan dapat memberi impak yang lebih besar kepada masyarakat khususnya golongan muda.
3. Program ini dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan. Manakala, majlis penutup Simposium ini disempurnakan oleh YBrs. Ir. Ts. Dr. Muhammad Mahadi Bin Mohamad, Pengerusi Lembaga Pengarah IYRES.

4. Program ini menyediakan platform kepada pelbagai pihak untuk membenteng dan menyebarkan maklumat berkaitan ekonomi memfokus kepada golongan belia. Di samping itu, program ini juga mewujudkan ruang perkongsian idea dan medan perbincangan intelektual meliputi keusahawanan belia dan peluang pekerjaan serta peningkatan pembangunan kemahiran golongan belia mengikut bidang yang diceburi.
5. Program ini melibatkan penyertaan daripada wakil Kementerian, Agensi, Ahli Akademik, Sektor Korporat, Persatuan Belia, *Non-Governmental Organization* (NGO) dan golongan belia secara individu. Sesi perkongsian ilmu ini mengangkat IYRES dan KBS sebagai pusat rujukan ilmu melalui gandingan kepakaran dari pelbagai bidang untuk berkongsi pengetahuan dan pandangan berkenaan sektor ekonomi belia.
6. Pelaksanaan ini merupakan hasil inisiatif dan langkah strategik antara kerjasama merentasi kementerian-kementerian, agensi-agensi pelaksana dan industri. Sebagai contoh, melalui pewujudan Portal Pekerjaan Negara, MYFuturejobs yang mampu melakukan padanan pekerjaan dan perkhidmatan kerjaya lain selain menawarkan inisiatif-inisiatif Kerajaan. Selain itu, program Jamin Kerja Keluarga Malaysia dan Karnival Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia yang telah dilancarkan pada 19 Februari 2022 akan membantu memperkukuhkan ekonomi belia. Melalui inisiatif yang direncanakan ini, ia dapat menjamin 600,000 peluang pekerjaan terutamanya dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan muda dengan peruntukan bernilai RM4.8 bilion.
7. Kerajaan juga sedar akan cabaran yang dihadapi oleh golongan belia mendepani pasca Covid-19. Oleh yang demikian, di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), kerajaan menerusi Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sedang merangka Pelan Kebangsaan Pemerkasaan Ekonomi Belia untuk hala tuju strategik dalam meningkatkan kebolehpasaran dan tahap ekonomi golongan belia.
8. Berdasarkan taburan penduduk belia di Malaysia, pada tahun 2021 di dalam Sistem Ydata@IYRES, mereka yang berumur 15 hingga 30 tahun adalah berjumlah 9.7 juta orang iaitu 30% daripada keseluruhan penduduk Malaysia.

Angka ini menunjukkan bahawa golongan belia adalah kelompok yang besar dalam masyarakat serta merupakan aset atau sumber tenaga yang penting kepada negara.

9. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) juga turut memainkan peranan dalam menggalakkan penyertaan golongan belia dalam sektor pertanian di mana KBS berperanan sebagai pemudah cara dalam membantu belia untuk mendapatkan pembiayaan daripada agensi-agensi penyedia dana seperti: SME Corp. Malaysia bagi Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE); MAFI bagi Program Agropreneur Muda; dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) bagi Program Latihan Pembangunan Usahawan Muda (JUMPER).
10. Antara inisiatif di bawah KBS yang bersifat pembudayaan ke arah agromakanan adalah dengan menceburi bidang agromakanan seperti berikut:
 - a. Latihan dan kursus jangka pendek (program sedia ada) seperti Kursus Teknikal Belia Tani (Youth Agrotech) yang dilaksanakan peringkat Negeri dan Kebangsaan;
 - b. Projek dengan kerjasama Pertubuhan Belia/ NGO seperti Program Youth Agro City, tanaman cendawan, tiram dan sebagainya;
 - c. Program promosi bagi menggalakkan penyertaan belia dalam agro tani melalui Webinar Inspire Kerjaya Agro (WIKA).

UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT BERKENAAN SIMPOSIUM PEMIKIR MUDA
BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT SEPERTI DI BAWAH :

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)
25 Ogos 2022

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat, IYRES
Tel: 03 - 8871 3590 / 018 - 6696507

MAKLUMAT TAMBAHAN

Mengenai Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

IYRES merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan dan melaksanakan program latihan berkaitan penyelidikan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.